

**"Bukti berkenaan akan dilaksanakan oleh pasukan pengkaji sejarah dari UPM dalam masa terdekat ini**  
Ahmad Sarji Abdul Hamid



HARIAN METRO

# Jejak sampel **DNA** Hang Tuah

■ Pasukan pengkaji sejarah mahu bukti sebenar kewujudan pahlawan tersohor

Syazwan Msar  
mohdsyazwan@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Pasukan pengkaji sejarah Hang Tuah dari Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengambil sampel ujian asid deoksiribonukleik (DNA) di setiap kubur yang dikenal pasti milik pahlawan terbabit untuk memperoleh bukti sahih kewujudan pahlawan Melayu itu.

Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, bukti DNA berkenaan akan dipadankan dengan waris Hang Tuah yang dipercayai berada di Bintan, Indonesia

dan Singapura ketika ini.

Beliau berkata, bukti berkenaan penting dalam mengukuhkan lagi kewujudan Hang Tuah adalah benar dan bukan hanya cerita dongeng masyarakat Melayu semata-mata.

"Pengkaji sejarah berminat meneruskan kajian berkaitan DNA Hang Tuah dengan mengambil sampel tulang di kubur yang didakwa milik pahlawan itu di Bintan dan Palembang, Indonesia selain Tanjung Kling, Melaka.

"Bukti berkenaan akan dilaksanakan oleh pasukan pengkaji sejarah dari UPM dalam masa terdekat ini,"

katanya pada sidang media selepas Majlis Perbincangan Meja Bulat Kedudukan Hang Tuah Dalam Sejarah Tamadun Melayu, di sini, semalam.

Perbincangan itu dihadiri pensyarah institusi pengajian tinggi awam, ahli sejarah, pengkaji sejarah dan badan bukan kerajaan termasuk Penyelidik dan Karyawan Tamu dari Universiti Malaya Profesor Emeritus Dr Ahmat Adam dan Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM Prof Emeritus Dr Hashim Musa dan Dr Rohaidah Kamaruddin yang sering membentangkan kajian ma-

**FAKTA**  
Pengkaji ambil sampel tulang di kubur di Bintan dan Palembang, Indonesia serta Tanjung Kling, Melaka



FOTO: HASARIASYAH SABUDDIN

AHMAD Sarji (dua dari kiri) mempengerusikan persidangan meja bulat 'Hang Tuah Dalam Sejarah Tamadun Melayu' di Bangunan PNB Jalan Ampang.

sing-masing mengenai pahlawan itu.

Sementara itu, ahli akademik sebulat suara bersetuju Laksamana Hang Tuah wujud sebagai pahlawan dan tokoh masyarakat Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Ahmad Sarji berkata, keputusan itu dibuat selepas mengadakan perbincangan dalam mencari kesepakatan berkaitan kewujudan

Hang Tuah.

Katanya, walaupun ada percanggahan merangkumi kewujudan individu bergelar Hang Tuah, sebutan nama dan ketokohan pahlawan yang wujud pada kurun ke-14 itu, namun tiada perbezaan dalam sejarah fakta yang sudah ditulis dalam Hikayat Hang Tuah serta manuskrip di seluruh negara.

"Hang Tuah adalah lambang masyarakat Melayu

dan sudah terpahat dalam hati kita sejak dahulu lagi, malah sejarah berkaitan pahlawan itu terus dipertuturkan zaman ke zaman.

"Kebanyakan fakta sejarah menceritakan perkara sama mengenai pahlawan itu, cuma ada perbezaan mengenai perkataan Tuah, Tawha atau Toh, namun ahli akademik lain sepakat mengakui kewujudan laksamana itu," katanya.